

## **Mosque: A History of Islamic Architectural Writing in Malaysia**

*Masjid: Sejarah Penulisan Seni Bina Islam di Malaysia*

Siti Hajar Binti Aziz<sup>1</sup>  
Aizan Binti Ali @ Mat Zin<sup>2</sup>

### **Abstrack**

*Islamic Architecture in Malaysia is one of the arts in the applied arts group. Applied art is produced to meet the demands of a function required by human beings. In contrast to other art groups, architecture not only shows the manifestation of one's feelings and thoughts, but more importantly architecture serves to complement the needs of society. This is in line with the view of Ibn Khaldun who said that architecture is one of the characteristics of civilization that is a symbol of the glory of a nation or country. More and more buildings are developed and meet the needs of society show the progress of a civilization in this field. This article aims to scrutinize the history of Islamic architectural writing in Malaysia in particular and compare the tendencies of the writers. Qualitative data were collected by using documentation methods and analysed by inductive, deductive and comparative methods. Findings exhibit those authors focused on the aesthetical values, designs and local genius in their works. It seems that uniformity in writing evolved unnoticed and writers inherited aspects of the discussion that had been initiated by previous scholars. In conclusion, similarities enhance uniformity in Islamic architectural writing in Malaysia*

*Keywords: Masjid, mosque, seni bina, seni bina masjid*

### **Pendahuluan**

Seni bina merupakan salah satu kesenian dalam kumpulan seni gunaan. Seni gunaan dihasilkan bertujuan untuk memenuhi tuntutan sesuatu fungsi<sup>3</sup> yang diperlukan oleh manusia. Berbeza dengan kumpulan-kumpulan seni yang lain, seni bina bukan sahaja menunjukkan manifestasi perasaan dan fikiran seseorang, tetapi lebih penting lagi seni bina berfungsi untuk melengkapkan keperluan masyarakat.

Hal ini selari dengan pandangan Ibnu Khaldun yang mengatakan bahawa seni bina merupakan salah satu daripada ciri-ciri ketamadunan yang menjadi lambang kegemilangan sesuatu bangsa atau negara<sup>4</sup>. Semakin banyak binaan yang dibangunkan dan memenuhi keperluan masyarakat menunjukkan kemajuan sesebuah tamadun dalam bidang ini.

---

<sup>1</sup> Siti Hajar Binti Aziz, Calon Ijazah Sarjana Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. hajar1216@gmail.com

<sup>2</sup> Aizan Binti Ali @ Mat Zin PhD, Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. aizan@um.edu.my

<sup>3</sup> Tengku Sabri Ibrahim, 'Kemajmukan Seni Rupa Malaysia: Perkembangan Masa Kini Dan Cabaran Masa Depan', in *Mencari Imej Malaysia: Dialog Sastera, Seni Rupa, Seni Bina* (Perak: Yayasan Kesenian Perak, 1998), p. 67.

<sup>4</sup> Mahayuddin Yahaya, *Tamadun Islam* (Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd, 1998).

Rentetan daripada itu, seni bina dianggap sebagai suatu rekod mengenai evolusi yang berterusan dalam ketamadunan manusia<sup>5</sup>. Melalui seni bina dapat diketahui tentang ekspresi pemikiran manusia sepanjang zaman berkaitan teknologi pembuatan dan pertukangan. Oleh kerana itu, seni bina dilihat mengandungi nilai sejarah yang mampu dijadikan sumber pengetahuan mengenai sesebuah masyarakat.

Merujuk perihal seni bina masjid pula, masjid menjadi rujukan untuk melihat perkembangan seni bina Islam kerana masjid merupakan binaan utama dalam kalangan masyarakat Islam. Hal ini berlaku apabila perkara utama yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w selepas penghijrahan baginda ke Madinah adalah mendirikan masjid<sup>6</sup>. Pelaksanaan tersebut menunjukkan bahawa masjid menjadi sebuah binaan penting bagi masyarakat beragama Islam. Hal ini dikukuhkan lagi apabila didirikan sebuah masjid dalam setiap komuniti muslim yang berfungsi sebagai pusat pertemuan masyarakat muslim.

Sebagai pusat pertemuan, di masjid orang-orang Islam melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama seperti menunaikan solat secara berjemaah, berkongsi ilmu pengetahuan, meraikan perayaan dan aktiviti-aktiviti lain yang dapat mengeratkan hubungan antara mereka. Jadi, tidak hairanlah jika masjid dijadikan rujukan dalam memahami perkembangan seni bina Islam kerana masjid adalah pusat berkumpul sesama mereka seterusnya menjadi tempat mereka memmanifestasikan keseniaan khususnya seni bina.

Pada masa kini, terdapat pelbagai jenis seni bina masjid di seluruh dunia sama ada di negara-negara Timur Tengah, Benua Afrika, Kepulauan Nusantara dan lain-lain kawasan juga yang boleh dilihat. Kepelbagaian ini berlaku selari dengan perkembangan Islam yang tersebar luas ke seluruh dunia. Hal ini terjadi apabila wujud asimilasi budaya setempat dan perkembangan teknologi bersama ajaran yang dibawa dalam agama Islam itu lantas melahirkan rekaan seni bina yang baru dan segar.

### **Pengertian Seni Bina**

Dari sudut etimologi, “seni bina” terdiri daripada dua perkataan iaitu seni dan bina. Merujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka “*seni*” bermaksud halus, karya yang dicipta dengan bakat ataupun kebolehan mencipta sesuatu yang luar biasa. Manakala “*bina*” adalah perlakuan membuat suatu bangunan. Demikian itu, seni bina diertikan sebagai ilmu merancang, mereka bentuk dan membina bangunan ataupun gaya sesuatu bangunan yang direka bentuk dan dibina.

Dalam bahasa Inggeris seni bina disebut “*architecture*.” Ia bermaksud ilmu mengenai reka bentuk dan membina bangunan ataupun gaya sesebuah binaan. Dalam Collins Dictionary, “*architecture*” juga bermaksud seperti yang dinyatakan sebelum ini. Adapun, perkataan “*architecture*” merujuk khusus kepada beberapa elemen seperti elemen binaan, struktur, reka bentuk dan semua yang berkaitan dengan rangka kerjanya. Jesteru itu, disimpulkan bahawa secara etimologi seni bina bermaksud pengetahuan mengenai

---

<sup>5</sup> Nasir Raza Khan, ‘Medieval Architecture of India: A Source of History (From 12 Th to 18 Th Century)’, *Journal IJMRD*, 1.7 (2014), 81–84 <[www.allsubjectjournal.com](http://www.allsubjectjournal.com)>.

<sup>6</sup> Shaikh Ali Mohammad Mokhtar, *Peranan Masjid dalam Islam* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1997) pendahuluan

pembinaan bangunan, gaya reka bentuknya, binaan itu sendiri ataupun proses-proses yang terdapat ketika pembinaannya.

Manakala dari sudut terminology pula, “seni bina” mempunyai pengertian yang amat luas dari aspek makna dan ruang lingkup<sup>7</sup>. Oleh demikian, terdapat kefahaman dan pentafsiran yang berbeza dalam kalangan arkitek dan ahli akademik yang melihat dari beberapa sudut pandang. Antaranya adalah pandangan 1) seni bina sebagai suatu keperluan dalam sesebuah masyarakat, 2) seni bina sebagai seni dan keindahan, serta 3) seni bina sebagai sumber sejarah.

Seni bina sebagai suatu keperluan dalam sesebuah masyarakat. Nasir memetik kenyataan Ibnu Khaldun yang mengatakan bahawa seni bina adalah salah satu seni yang penting dalam masyarakat. Sejak dahulu lagi, manusia telah mula mewujudkan binaan. Pada awalnya, binaan asas dalam masyarakat manusia adalah kediaman. Kediaman dijadikan tempat perlindungan untuk menghindari daripada bahaya cuaca seperti panas dan sejuk dan perisai daripada musuh<sup>8</sup> seperti haiwan buas.

Pandangan Djauhari juga selari dengan kenyataan Nasir sebelum ini. Djauhari mengatakan seni bina adalah sesuatu yang dibangunkan oleh manusia berfungsi sebagai perlindungan demi kepentingan keselamatan fizikal mahupun keselamatan jiwa. Untuk kepentingan keselamatan fizikal, manusia membangunkan sesuatu untuk melindungi diri daripada gangguan-gangguan atau bahaya alam, seperti terik matahari, malam yang dingin, hujan, petir, angin, banjir dan sebagainya. Bagi keselamatan jiwa pula, manusia berlindung dari bahaya binatang buas dan bahkan bahaya sesama manusia iaitu musuh<sup>9</sup>. Sehubungan itu, seni bina adalah keperluan dalam masyarakat yang bersifat melindungi.

Rentetan itu, seni bina dipengaruhi besar oleh keadaan-keadaan tertentu seperti keadaan geografi, geologi, dan iklim. Ketiga-tiga keadaan ini mempengaruhi secara fizikal penjelmaan bentuk seni bina pada sesebuah binaan. Selain itu juga, seni bina yang merupakan hasil karya manusia ini juga dipengaruhi aspek keagamaan dan kemasyarakatan sekaligus mampu mempamerkan taraf peradaban melalui seni binanya<sup>10</sup>.

Pandangan bahawa seni bina sebagai seni dan keindahan pula, dihuraikan oleh Anisah dan rakannya dengan memetik pandangan Mohamed Ali Abdul Rahman dalam penulisan *Sejarah Seni Dunia* bahawa seni bina adalah mendirikan bangunan dengan mengambil kira aspek keindahan<sup>11</sup>. Mendirikan bangunan dan keindahan, kedua-duanya merupakan aspek yang tidak boleh dipisahkan.

Dora pula mengatakan bahawa seni bina adalah perihal penggunaan dan seni. Kenyataan tersebut adalah kenyataan beliau dalam penulisan yang telah diterjemahkan oleh Dewan

---

<sup>7</sup> Anisah Ahmad, *Seni Bina Islam: Satu Pengamatan*, JURNAL OF CIVILISATIONAL STUDIES, 2013.

<sup>8</sup> Nasir Raza Khan, 'Medieval Architecture of India: A Source of History (From 12 Th to 18 Th Century)', *Journal IJMRD*, 1.7 (2014), 81-84 <[www.allsubjectjournal.com](http://www.allsubjectjournal.com)>.

<sup>9</sup> Djauhari Sumintardja, *Kompendium Sejarah Arsitektur* (Bandung: Yayasan Lembaga Penyelidikan Masalah Bangunan, 1978) Jilid 1, ms 3

<sup>10</sup> Djauhari Sumintardja, *Kompendium Sejarah Arsitektur* (Bandung: Yayasan Lembaga Penyelidikan Masalah Bangunan, 1978) Jilid 1, ms 3-4

<sup>11</sup> Ahmad.

Bahasa dan Pustaka berjudul *“Sejarah Seni Bina: Stonehenge hingga Pencakar Langit”*. Beliau menambah bahawa kekompleksan dalam seni bina bukan hanya sesuatu yang berguna atau semata-mata berunsur kesenian sahaja malah lebih daripada itu<sup>12</sup>.

Hijjas Kasturi dalam kenyataan beliau kepada akhbar Berita Harian mengatakan bahawa; *“Seni bina ialah dunia kreatif yang perlu diteroka. Masih banyak unsur budaya yang perlu digali dan diketengahkan untuk dimartabatkan bukan saja dalam kalangan masyarakat, tetapi untuk ditunjukkan pada dunia”*<sup>13</sup>

Seni bina sebagai sumber sejarah pula bermaksud seni bina sebagai suatu rekod mengenai kemajuan sesuatu bangsa. Nasir mengatakan bahawa;

*“Architecture is a record of continuous evolution. Architecture is a valuable art of expression of human mind through the ages. It is also an inseparable part of the history of any civilization”*

Beliau berkata lagi berdasarkan *The New Encyclopaedia Britannica*, seni bina adalah seni dan kaedah dalam membina bangunan untuk memenuhi keperluan dalam sesebuah masyarakat. Oleh hal demikian, seni bina juga boleh dijadikan sumber sejarah yang penting. Bukan sahaja memberitahu tentang kemajuan bahkan menginformasi mengenai budaya dan ketamadunan tersebut.

David Leatherbarrow dan Mohsen Mostafavi pula menyatakan seni bina sebagai sejarah seni bina tradisional atau seni bina moden yang ada hubungkait dengan faktor tipologi dengan menggunakan kaedah mekanikal. Seni bina tersebut adalah berdasarkan kepada bahan-bahan yang digunakan terutamanya yang menyentuh konsep ruang. Hal ini menunjukkan bahawa seni bina bangunan mampu menjadi sumber informasi terhadap perkembangan seni bina dalam sesebuah masyarakat tersebut bahkan budaya juga.

Hasil daripada kenyataan-kenyataan yang telah dikemukakan mengenai definisi-definisi seni bina, dapat disimpulkan bahawa seni bina adalah hal yang berkait dengan reka bentuk bangunan dan ianya salah satu elemen penting dalam hidup manusia. Pada asasnya ianya bagi melindungi manusia daripada ancaman cuaca mahupun musuh. Namun, seiring perkembangan kehidupan manusia, seni bina diperlukan bagi memenuhi keperluan individu atau masyarakat dalam membina ketamadunan. Seni bina juga merujuk kepada keindahan dan kehalusan seni binaan itu sendiri yang menjadi bukti perkembangan teknologi yang dicapai pada masa ia dibina sekaligus menjadi sumber sejarah terhadap zaman tersebut.

Kenyataan-kenyataan ini menunjukkan bahawa definisi seni bina tertumpu pada aspek fungsi dan pengaruh mempengaruhi sesuatu binaan itu dibangunkan. Secara awalnya, manusia mula membina binaan untuk melindungi diri daripada mara bahaya yang datang dalam bentuk cuaca mahupun musuh. Manakala faktor geografi, geologi, kemajuan budaya dan lain-lain perkara lagi mempengaruhi bentuk-bentuk binaan yang dibangunkan.

---

<sup>12</sup> Dora P. Crouch terj. Wan Hashimah Wan Ismail, *Sejarah Seni Bina: Stonehenge hingga Pencakar Langit* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993) xiv

<sup>13</sup> <https://www.bharian.com.my/node/83885>

Pengertian seni bina telah dinyatakan sebelum ini dengan mengambil pandangan para pemikir. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa seni bina adalah suatu hal yang penting dalam kehidupan manusia. Ia berkisar mengenai binaan yang dibangunkan di atas keperluan masyarakat dan bersamanya terdapat elemen seni sekaligus mampu menjadi sumber sejarah terhadap kebudayaan sesebuah masyarakat. Menjadi sumber kerana sejarah seni bina difahami sebagai rentetan peristiwa tentang reka bentuk dan peradaban manusia yang dikaitkan dengan bangunan<sup>14</sup>.

### **Penulisan Seni Bina**

Penulisan seni bina tertumpu terhadap aspek bangunan, terutama reka bentuk bangunan, menyelidiki tentang bagaimana bangunan digunakan serta persepsi pengguna terhadap bangunan. Menurut Mohamad Tajuddin, antara karya terawal yang menjadi rujukan dalam wacana penulisan seni bina adalah *The Rise of Architectural History, Modern Perspective in Western Art History* dan *A History of Architecture: Settings and Rituals*. Berdasarkan buku-buku tersebut, tiga tujuan atau pemerhatian utama dapat dikenalpasti dalam penulisan seni bina iaitu kajian berkaitan sudut pelaksanaan seni bina tersebut, nilai sejarah dan nilai estetika.

Tujuan penulisan seni bina dari aspek pelaksanaannya adalah untuk mengetahui beberapa maklumat tentang pembinaannya seperti tarikh pembinaan dan tarikh siap pembinaannya, pereka dan tujuan utama pembinaan binaan tersebut.

Manakala bentuk yang kedua adalah bentuk penulisan yang agak sukar untuk dilakukan iaitu aspek nilai sejarah. Mohd Tajuddin berkata para pengkaji perlu membuat interpretasi berhubung dengan agama, nilai sosial dan nilai budaya untuk menyempurnakan pengkajian seperti ini. Tujuannya adalah untuk mengetahui kenapa sesuatu seni bina itu dilakukan atau apakah kegunaannya.

Tujuan yang terakhir iaitu mengetahui nilai estetika dan dianggap yang paling sukar kerana ianya berkait dengan menganalisis maksud-maksud seni bina tersebut dan juga memberitahu sebab-sebab<sup>15</sup> sesuatu seni bina itu dipilih untuk didirikannya.

Penulisan seni bina penting kepada masyarakat terutamanya ahli professional dan ahli akademik dalam bidang ini. Ia penting kerana pengetahuan seni bina pada masa lepas pasti akan digunakan sebagai rujukan dalam merancang dan mereka bentuk bangunan. Selain itu juga, melalui penulisan lah, pengetahuan seni bina pada masa lepas dapat diketahui seterusnya memberi gambaran dalam penentuan identiti warisan bangsa. Dengan adanya penulisan-penulisan seni bina ini juga mampu memperkayakan ilmu tentang sesuatu bangsa terhadap apa yang pernah mereka miliki.

Kepentingan pertama penulisan seni bina adalah dalam perancangan dan mereka bentuk sesebuah bangunan. Terdapat dua aspek utama yang diambil berat ketika proses merancang dan mereka bentuk sesebuah binaan iaitu; pemilihan ruang dan pemilihan bahasa seni bina.

---

<sup>14</sup> Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, *Seni Bina: Sejarah, Teori Dan Kritikan* (Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2008) 1

<sup>15</sup> Mohd Tajuddin, *The Mosque as A Community Development Centre*

Pemilihan ruang berhubung kait dengan perlakuan manusia. Perlakuan manusia pula dapat dikategorikan kepada dua sifat iaitu bersifat kekal dan bersifat sementara. Perlakuan yang bersifat kekal selalunya berkait dengan amalan budaya dan keagamaan. Misalnya pemilihan ruang tidur masyarakat melayu perlu bersesuaian dengan budaya mereka yang kebiasaannya tidur berasingan yang memerlukan kepada penghadang. Budaya ini berbeza dengan kebanyakan masyarakat di Selatan China.

Bangunan-bangunan yang dibina mempunyai aspek bahasa seni bina tersendiri. Bahasa seni ini yang akan memberi makna tertentu tentang sesuatu budaya serta sesuatu bangsa pengguna yang berbeza-beza. Tambahan pula, pada masa kini bangunan yang dibina tidak menghadkan bangunan kepada perbatasan negara asal sahaja. Oleh hal demikian, pengetahuan mengenai bahasa seni bina bangunan yang mampu dipelajari melalui sejarah seni bina khususnya melalui penulisan dapat memenuhi kehendak pengguna.

Kepentingan penulisan seni bina yang kedua adalah bagi memperkayakan ilmu tentang sesuatu bangsa melalui pengetahuan tentang nilai estetika dan juga teknologi pembinaan yang digunakan pada masa lepas. Pengetahuan-pengetahuan ini memberitahu masyarakat terkemudian tentang pandangan kosmologi sesuatu bangsa dan juga perkembangan kemahiran teknologi sesebuah bangsa tersebut<sup>16</sup>.

Yang ketiga, penulisan seni bina penting dalam penentuan identiti warisan bangsa. Apabila sesuatu bangsa itu mempunyai pengetahuan yang banyak tentang mereka, pencapaian mereka khususnya dalam bidang seni bina ini. Contohnya, teknologi-teknologi binaan yang telah wujud pada zaman dahulu dikenalpasti dan didokumentasikan sebagai warisan bangsa. Warisan-warisan ini dianggap sebagai kesinambungan tradisi dengan penyesuaian kehidupan masa kini.

### **Pengertian Masjid**

“Masjid” dalam Kamus Dewan Bahasa edisi keempat bermaksud bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah-ibadah lain. Perkataan masjid adalah kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Arab iaitu مسجد. Masjid merupakan kata nama yang berasal dari kata “*Sajd*” bermaksud sujud atau sejadah. Ini menunjukkan perlakuan sujud di atas tempat sujud atau lebih dikenali sebagai solat. Oleh hal demikian, masjid bermaksud tempat orang Islam melakukan ibadah solat. Dalam bahasa Inggeris pula, masjid di sebut “*mosque*”. *Mosque* berasal daripada perkataan Sepanyol iaitu “*mezquita*” yang membawa maksud yang sama seperti perkataan masjid dalam bahasa Arab<sup>17</sup>.

Manakala “masjid” dari sudut istilah Huri Yasin merujuk Az-Zujaj, Az-Zarkasyi dan Dr Abdul Malik As-Sa’di dalam menyimpulkan bahawa masjid adalah tempat ibadah yang khusus dibina untuk pelaksanaan solat lima waktu dan berkumpul, serta akan dilakukan selamanya. Perkataan masjid yang berasal dari kata sujud dipilih bagi menggambarkan

---

<sup>16</sup> Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, *Seni Bina: Sejarah, Teori Dan Kritikan* (Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2008) 6

<sup>17</sup> Ahmad Sanusi Hassan, ‘Concept of Prostration in Traditional Malay Mosque Design to the Surrounding Environment with Case Study of Tranquerah Mosque in Malacca, Malaysia’, *Journal of Techno-Social*, 2.2 (2011), 1-22.

tempat solat. Perlakuan sujud dipilih kerana ia merupakan perbuatan paling mulia dalam solat untuk mendekatkan diri pada tuhan<sup>18</sup>.

Nang dan rakannya pula memahami maksud masjid melalui kefahaman tentang fungsi masjid. Antara fungsi utama masjid yang dikatakan adalah untuk memohon doa dan beriktikaf. Tidak terbatas kepada aktiviti itu sahaja, di masjid juga orang-orang Islam melakukan ibadat-ibadat lain seperti solat secara berjemaah, solat Jumaat, solat terawih, membaca Al-Quran, belajar dan sebagainya.

Hal ini sekaligus menjadikan masjid tempat untuk umat Islam berkumpul. Selain itu, mereka mengatakan di masjid juga merupakan tempat menyampaikan segala maklumat berkaitan urusan kemasyarakatan dalam menerangkan agama Islam itu sendiri. Aktiviti ini juga tidak terbatas pada aspek agama sahaja kerana aspek keduniaan juga disampaikan di sini.<sup>19</sup>

Dengan fungsi-fungsi tersebut, boleh lah dikatakan bahawa masjid adalah pusat aktiviti bagi penganut agama Islam. Sepertimana yang dikatakan oleh Qoratul;

*“Tidaklah salah jika masjid diinterpretasikan sebagai pusat dari segala aktivitas kaum muslim. Sehingga masjid pun menjadi bangunan yang memiliki peran strategis di dalam kehidupan umat Islam. Tidak hanya berkaitan dengan ritual peribadatan saja, tetapi juga menyangkut kehidupan sosial budaya dan kemasyarakatan secara luas”*<sup>20</sup>.

Oleh hal demikian, masjid dikatakan salah satu ciri yang terdapat dalam kehidupan orang-orang Islam<sup>21</sup> lantas menunjukkan kepatuhan mereka terhadap perintah Allah S.W.T. Jika masjid tidak dibangunkan, umat Islam akan lalai untuk menunaikan solat berjemaah yang menjadi kewajipan *fardhu kifayah*.

Mizan dan Anuar pula dalam artikel yang bertajuk *‘The Malaysian Mosque: Evolution, Elements & Meaning’* mendefinisikan masjid sebagai rumah Allah melalui kenyataan dibawah,

*“A place where the Name of Allah is invoked and glorified at all times”. The mosque is the principal religious building in Islam, and paramount among its many functions is as a place for communal prayer”*<sup>22</sup>

Secara kesimpulannya, masjid adalah binaan yang sinonim dengan umat Islam. Fungsi utamanya adalah sebagai tempat untuk menunaikan solat terutamanya solat secara berjemaah. Selain itu juga, masjid memiliki fungsi lain seiring dengan pembangunan

---

<sup>18</sup> Huri Yasin Husain, *Fikih Masjid* terj. Khalifurrahman Fath & Fathur Rahman Nizar Az-Zainaby (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2011)

<sup>19</sup> Nik Dahlan Nang Naemah and Ramli Nur Maslina, ‘Seni Bina Masjid Islam’, *Jurnal Al-Muqaddimah*, 2.1 (2014), 39–47.

<sup>20</sup> Qorrotul A’yun, ‘Transformasi Bentuk Fisik Pada Tipologi Fasade Masjid Jami’ Malang’, *EMARA Indonesian Journal of Architecture*, 1.2 (2015).

<sup>21</sup> Siti Nur Yusra, Nornawarlaili, and Norzalina Yusop, ‘The Flexibility of Communal Mosque in Malaysia’, *Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)*, 3 (2012), 22–25.

<sup>22</sup> Built Environment Journal, Mizan Hitam, and Anuar Talib, ‘The Malaysian Mosque: Evolution, Elements & Meaning’, *Built Environment Journal*, 2.1 (2005), 1–10.

komuniti muslim sama ada bersifat keagamaan mahupun keduniaan yang mampu mengingatkan dengan pencipta mereka.

### **Perkembangan Seni Bina Masjid**

Menelusuri sejarah perkembangan Islam, Rasulullah s.a.w mula mendirikan masjid setelah berlakunya penghijrahan orang-orang Islam dari kota Makkah ke kota Madinah (622M). Masjid pertama yang dibina adalah masjid Quba'. Masjid Quba' merupakan bentuk binaan masjid yang paling ringkas menggunakan bahan binaan daripada batu dan batang pokok tamar untuk membentuk dewan sembahyang sahaja<sup>23</sup>.

Syamsul mengatakan Rasulullah s.a.w meletakkan batu tepat ke arah kiblat dan diikuti dengan batu-batu yang dijadikan dinding. Hal ini menunjukkan perkara utama yang perlu dititikberatkan ialah arah kiblat supaya para jemaah dapat menunaikan solat dengan arah kiblat yang betul dan tepat<sup>24</sup>.

Walaupun binaannya dianggap ringkas, Masjid Quba' dijadikan model asas kepada pembinaan masjid selepas itu. Hal ini kerana Masjid Quba' terdiri daripada syarat-syarat yang diperlukan dalam pembinaan sesebuah masjid. Salah satu syaratnya adalah sekecil-kecil masjid yang hendak dibina perlulah dapat memuatkan sekurang-kurangnya 40 orang untuk menunaikan solat Jumaat secara berjemaah.

Gambaran yang jelaskan lagi mengenai Masjid Quba' adalah masjid ini terdiri daripada sebuah ruang segi empat dan berdinding sekelilingnya. Di sebelah utara dibuat ruang untuk tempat menunaikan solat. Pada waktu itu, ruangan ini bertiangkan pohon kurma, beratap datar dari pelepah dan daun kurma yang dicampur dengan tanah liat. Di tengah-tengah ruang terbuka dalam masjid yang disebut *sahn* terdapat padanya tempat mengambil wudhu<sup>25</sup>.

Kemudiannya, Rasulullah s.a.w telah membina masjid kedua di Madinah. Kini masjid tersebut dikenali sebagai Masjid Nabawi (622M). Pembinaan masjid ini lebih luas dan mempunyai pelbagai dewan atau ruang selain dewan sembahyang seperti ruang perbincangan, ruang persinggahan musafir dan ahli sufi. Masjid ini juga telah digabungkan dengan rumah para isteri baginda s.a.w.

Pembesaran dan kerja-kerja membaik-pulih masjid ini dilakukan dari semasa ke semasa oleh para pemerintah yang bersilih ganti sejak dahulu sehingga ke hari ini untuk memastikan keselesaan para jemaah yang mengunjungi masjid ini. Kini makam Rasulullah s.a.w dan makam beberapa orang sahabat r.a terdapat dalam kawasan masjid ini juga.

Bermula ketika pemerintahan Khalifah Umar Al Khattab r.a (634M), khalifah kedua dalam pemerintahan Khulafa ar-Rasyidin iaitu selepas pemerintahan Khalifah Abu Bakar r.a, beliau telah merancang dan membina banyak binaan masjid yang bersaiz lebih besar.

---

<sup>23</sup> Fairuzah Basri, 'Seni Bina Masjid Di Malaysia', *Jurnal Tasawwur Islam*, 5.Ogos (2001), 61-72 <<https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>>.

<sup>24</sup> Shaikh Ali Mohammad Mokhtar, *Peranan Masjid dalam Islam* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1997

<sup>25</sup> Syamsul Kurniawan, 'Masjid Dalam Lintasan Sejarah Umat Islam', *Jurnal Khatulistiwa-Journal of Islamic Studies*, 2014.



Hal ini sejajar dengan perluasan kuasa negara Islam serta pertambahan umat Islam pada ketika itu.

Kemuncak kemajuan seni bina masjid tercapai ketika zaman pentadbiran Bani Umayyah (660-750M) yang berpusat di Damsyiq dan diikuti zaman pentadbiran Bani Abbasiyyah (750-1258M) yang berpusat di Baghdad. Pada masa ini kebanyakan dewan solat telah dibina secara tertutup dengan kubah. Antara contoh seni bina kubah yang dapat dilihat sehingga ke hari ini adalah kubah emas yang terdapat di Masjid Baitulmaqdis. Pembinaan kubah masjid ini dilakukan pada 691M atas perintah salah seorang khalifah dinasti Umayyah iaitu Abd Malik bin Marwan<sup>26</sup>.

Antara kemajuan lain pada ketika itu adalah beberapa bahagian masjid mula diperkenalkan dan menjadi salah satu elemen penting dalam seni bina masjid yang dapat dilihat sehingga ke hari ini. Antara bahagian yang diperkenalkan itu adalah binaan menara. Menara dibina sebagai tempat melaungkan azan bagi *muazzin* iaitu individu yang melaungkan azan menandakan masuknya waktu solat. Walaupun tidak lah diketahui secara tepat pembinaan pertama binaan menara ini pada tahun berapa, namun dikatakan binaan yang tertua dijumpai adalah menara Masjid Qairawan yang dibina pada (724-743M) ketika pemerintahan Bani Umayyah<sup>27</sup>. Binaan menara masjid berkembang dengan pelbagai reka bentuk, jumlah dan ketinggian sama ada dibangunkan bersama bangunan masjid mahupun berasingan.

Binaan mihrab juga diperkenalkan ketika zaman pemerintahan Bani Umayyah. Mihrab adalah berupa sebuah ruang melengkung yang dapat memuatkan seorang imam untuk memimpin solat. Binaan ini terletak disebelah kiri mimbar dan kedudukannya adalah mengarah kearah kiblat. H Aboebakar mengatakan, individu yang mula-mula mengadakan mihrab ini adalah Khalifah Umar ibn Abdul Aziz ketika beliau memegang jawatan sebagai Gabenor semasa pemerintahan Khalifah Al-Walid (705M)<sup>28</sup>.

Adapun binaan mimbar dikatakan telah ada sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Mimbar berfungsi sebagai podium tempat memberi syarahan dan memberi khutbah namun pada ketika itu mimbar dibina secara sederhana yang terdiri daripada tiga anak tangga diperbuat dari kayu<sup>29</sup>. Pada masa kini boleh dapati mimbar-mimbar dihiasi dengan dekorasi-dekorasi berupa ukiran yang bermotifkan geometri, tumbuh-tumbuhan dan kaligrafi. Dekorasi-dekorasi ini adalah hasil seni rupa yang berkembang pada seni ukir dan seni pahat.

Ukiran-ukiran dekorasi yang bermotifkan kaligrafi atau khat Arab terdiri daripada ayat-ayat Al-Quraan, hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w dan syair kerohanian yang bersesuaian dengan agama Islam. Dekorasi yang dipahat dan diukir bukan sahaja

---

<sup>26</sup> Nurul Husna Mahmud, Ciri Signifikan dalam Seni Bina, Dekotaman, MayMetro di akses pada 5 Mac 2020 melalui <https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2019/08/486786/ciri-signifikan-dalam-seni-bina>

<sup>27</sup> H. Aboebakar, *Sedjarah Mesjid dan Amal Ibadah Dalamnja* (Bandjarmasin: Toko Buku Adil, 1955)285

<sup>28</sup> H. Aboebakar, 291

<sup>29</sup> H. Aboebakar, 299

dilakukan pada tembok dinding bangunan masjid, malah istana dan gedung pemerintahan<sup>30</sup> juga dipenuhi dengan dekorasi tersebut.

Gaya dekorasi-dekorasi ini terus berkembang dengan penemuan gaya terbaru dalam seni ukiran. Lebih-lebih lagi pada zaman Abbasiyyah, antaranya adalah gaya arabes yang menjadi ikutan di dunia Islam keseluruhannya. Gaya arabes boleh difahami seperti kenyataan ini;

*“a new way of carving surfaces, the so-called beveled style, as well as a repetition of abstract geometric or pseudo-vegetal forms, later to be known in the West as “arabesque”*<sup>31</sup>

Apabila Islam berkembang ke seluruh dunia sejak ia disebarkan sekitar tahun 600M sehingga ke hari ini, kebanyakan masjid telah didirikan mengikut pengaruh seni bina dan budaya masyarakat Islam setempat. Namun terdapat juga masyarakat yang mengambil bentuk seni bina budaya lain untuk diterapkan dalam masyarakat mereka.

Kepelbagaian bentuk dalam seni bina masjid ini berlaku atas beberapa faktor seperti budaya, keadaan geografi, tujuan dan kemahiran yang terdapat pada individu yang merancang reka bentuk tersebut<sup>32</sup>.

### **Seni Bina Masjid di Malaysia dalam Penulisan**

Melihat kepada perkembangan seni bina masjid di Malaysia, beberapa orang pengkaji telah mengkategorikan seni binanya kepada beberapa kategori. Antara kategori seni bina tersebut adalah masjid tradisional, masjid sino-elektik, masjid kolonial, masjid India Utara, masjid moden vernacular, masjid eksperimen moden dan masjid revivalisme pasca moden<sup>33</sup>.

Pengkategorian seni bina masjid berdasarkan fasa waktu sesebuah masjid itu dibina. Tiga fasa utama yang dikenalpasti iaitu masjid vernacular (abad ke-13) dikenali juga sebagai masjid tradisional. Masjid ini merangkumi masjid-Masjid yang dibina sekitar kurun ke-13. Seni bina ini memaparkan pengaruh alam Melayu yang sangat tinggi. Fasa yang kedua adalah rekabentuk masjid zaman kolonial (abad ke-18). Masjid di zaman kolonial pula merangkumi masjid-masjid yang dibina sekitar awal kurun ke-18. Seni bina masjid ini banyak dipengaruhi pengaruh Klasik Inggeris dan Moorish. Fasa yang ketiga adalah masjid moden (1950) Seni binanya banyak dipengaruhi pengaruh dari Arab, Turki dan Iran<sup>34</sup>.

Daripada maklumat-maklumat ini, pengkaji mengkategorikan seni bina masjid Malaysia kepada lima kategori seni bina utama. Kelima-lima ini adalah masjid tradisional, masjid

---

<sup>30</sup> R Taufiqurrochman, 'Arsitektur Dan Seni Islam: Persentuhan Dari Ragam Entitas Budaya', *Lingua*, 3.1 (2005), 1-12.

<sup>31</sup> [https://www.metmuseum.org/toah/hd/abba/hd\\_abba.htm](https://www.metmuseum.org/toah/hd/abba/hd_abba.htm)

<sup>32</sup> Mohd Zafrullah Mohd Taib and Mohamad Tajuddin Rasdi, 'Islamic Architecture Evolution: Perception and Behaviour', *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 49 (2012), 293-303 <<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.07.027>>.

<sup>33</sup> Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, 'Mosque Architecture in Malaysia: Classification of Styles and Possible Influence', *Journal Alam Bina*, 2010, 1-37.

<sup>34</sup> Khairudin Aljunied, "Not Just a House to Honour God": Mosques in the Malay World as Cosmopolitan Spaces', *Global Journal Al-Thaqafah*, 8.1 (2018), 43-55. 45

sino eklektik, masjid kolonial, masjid moden dan masjid revivalisme pasca moden. Berikut adalah perbincangan mengenai kategori seni bina masjid-masjid di Malaysia.

#### a) Masjid Tradisional

Masjid tradisional di Malaysia merujuk kepada masjid-masjid lama yang di bina ketika abad ke-13 dan sebelum abad ke-18. Ada yang memanggil masjid tradisional ini dengan panggilan masjid vernakular. Perkataan tradisional merujuk kepada perilaku yang menggambarkan cara hidup dan pemikiran masyarakat sebelum terjadinya zaman kolonial di negara ini. Sementara vernakular pula adalah berhubungan dengan kesediaan bahan, tukang dan teknologi yang ada sebelum era kolonial<sup>35</sup>.

Oleh hal demikian, seni bina masjid tradisional ini merujuk kepada masjid yang dibina berdasarkan bahan-bahan dan alatan tempatan serta menggunakan teknik yang sesuai pada masa tersebut<sup>36</sup>. Antara ciri-ciri seni bina masjid tradisional Malaysia yang boleh dikenalpasti dengan mudah adalah masjid ini mempunyai bumbung meru, limas dan bertingkat-tingkat atau juga dipanggil berbumbung bentuk piramid.

Tajuddin mengkategorikan masjid tradisional ini kepada tiga jenis masjid berdasarkan bentuk bumbung. Yang pertama adalah berbumbung piramid tiga lapis. Jika dilihat daripada titik tengah bumbung pyramid tersebut, boleh didapati bentuk masjid tersebut adalah berbentuk kubus yang sempurna. Contoh masjid tersebut adalah Masjid Kampung Laut dan Masjid Kampung Tuan yang dibina sekitar abad ke-16 dan ke-18. Yang kedua adalah masjid tradisional yang berbumbung pyramid lapis dua. Seperti Masjid Papan dan Masjid Lenggeng dibina antara abad ke-18 dan 19. Yang ketiga adalah masjid tradisional yang berbumbung pyramid tidak bertingkat.

Mastor dan rakan-rakannya pula membahagikan masjid tradisional ini kepada empat jenis. Jenis pertama dan kedua sama seperti pendapat Tajuddin iaitu masjid berbumbung piramid berlapis tiga dan dua. Perbezaan pendapat Mastor adalah beliau menyatakan jenis ketiga adalah masjid berbumbung memanjang sebagaimana pada Masjid Langgar di Kota Bharu. Manakala yang keempat adalah masjid berbumbung berlapis empat iaitu sebagaimana yang terdapat pada Masjid Kampung Tuan di Terengganu.

Secara umumnya masjid tradisional yang dibina adalah merupakan binaan yang berskala kecil, mampu memuatkan kira-kira 40 orang Jemaah untuk menunaikan solat fardhu secara berjemaah khususnya untuk solat Jumaat yang memerlukan 40 orang jemaah lelaki bertaraf permaustautin untuk syarat sah solat tersebut. Pembinaan masjid pada skala kecil di awal pembinaannya sama seperti pembinaan masjid awal di Madinah pada awal penghijrahan umat Islam ke sana. Masjid dibina pada skala kecil dan kemudian diperbesarkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan komuniti muslim di sesebuah kawasan tersebut.

---

<sup>35</sup> M. Surat and others, 'Salah Tanggapan Terhadap Kubah Pada Senibina Masjid: Pengaruh Pengisian Sejarah Dalam Hasrat Rekabentuk Masjid', *The Journal of Design + Built, Mosque Edition*, 2011, 1-16.

<sup>36</sup> Hanim and others.211

Dalam satu kajian mengenai historiografi masjid tradisional di Malaysia, penulis-penulis tersebut telah merumuskan bahawa terdapat sembilan elemen unik yang terdapat pada seni bina masjid tradisional ini. Elemen-elemen tersebut adalah;

- 1) Beduk/taboh dan kerentung merupakan alatan dari kayu yang digunakan untuk memanggil masyarakat untuk menunaikan solat
- 2) Plan lantai berbentuk segi empat sama
- 3) Lantai yang diangkat sedikit daripada permukaan tanah
- 4) Penambahan bahagian serambi untuk melindungi dewan solat daripada cuaca dan digunakan untuk aktiviti formal mahupun tidak
- 5) Penggunaan tiang seri sebagai penyokong bagi bumbung piramid berlapis
- 6) Bumbung piramid yang berlapis-lapis sama ada dua lapis, tiga lapis mahupun empat lapis
- 7) Teknologi pertukangan tradisional seperti teknik memahat dan mengukir oleh rakyat tempatan
- 8) Bahan-bahan yang digunakan terdiri daripada bahan yang ada di kawasan nusantara seperti kayu balak, buluh, tanah liat dan batuan
- 9) Ruang dan hiasan dalaman<sup>37</sup>.

Ciri-ciri ini tidak jauh beza dengan masjid tradisional yang ada di Indonesia<sup>38</sup>. Yang membezakan antara masjid tradisional Malaysia dan Indonesia adalah kedudukan lantai masjid. Di Malaysia masjid tradisional dibina secara berpanggung iaitu lantai diangkat dari permukaan tanah seperti rumah-rumah warisan Melayu.

Hal ini berkemungkinan dilakukan untuk memudahkan kerja-kerja pengalihan sesebuah bangunan ke kawasan lain sekiranya berlaku sesuatu perkara seperti banjir. Selain itu juga, faktor keselamatan, kebersihan, dan alam sekitar juga mempengaruhi kedudukan lantai masjid tersebut ditinggikan sedikit daripada tanah<sup>39</sup>. Lantai ditinggikan sehingga dua meter dari permukaan tanah<sup>40</sup>.

Lokasi yang sering didirikan masjid tradisional adalah berdekatan dengan sungai dan sumber air. Hal ini dikatakan bertujuan untuk memudahkan para pengunjung dan pedagang yang datang menggunakan sampan dan kapal singgah untuk melakukan solat. Selain itu juga, lokasi berhampiran dengan sungai menjadikan ia sebagai sumber air untuk berwudhuk. Terdapat sebuah bekas atau tempayan di luar masjid di permukaan tanah untuk menyimpan air yang digunakan untuk berwudhuk<sup>41</sup>.

---

<sup>37</sup> Megat Ariff Shah, Ezrin Arbi, and Nila Keumala, 'Historiography of Mosque Architecture in Malaysia: Analysis of Texts by 5 Authors', *Journal of Design and Built Environment*, 16.2 (2016).

<sup>38</sup> Surat and others.

<sup>39</sup> Surat and others.

<sup>40</sup> Journal, Hitam, and Talib. 3

<sup>41</sup> Mohd Nawawi Ar. Norwina and Abd Majid Dr Noor Hanita, 'In Search of the Origins of the Malay-Muslim Architectural Heritage through Masjid Built Form', *Malay Vernacular Architecture: Traditional and Contemporary Expressions*. ISBN 978-967-418-057-7, 2011, 40-39.10

## b) Masjid Sino Eklektik

Masjid jenis sino elektik di Malaysia merujuk kepada masjid-masjid yang dibina sekitar abad ke-18 dan padanya terdapat beberapa elemen seni bina berpengaruh dari Cina. Di sebabkan itu, masjid ini disebut sebagai masjid sino elektik. Istilah ini berasal daripada bahasa Inggeris iaitu "*Sino-Electic*" yang merujuk kepada dua aspek di dalamnya. Perkataan "*sino*" bermaksud mempunyai pengaruh Cina manakala "*electic*" pula adalah penggabungan dua atau lebih daripada bahasa seni bina<sup>42</sup>.

Masjid jenis sino eklektik ini masih boleh dijumpai sehingga kini. Kebanyakannya terletak di negeri Melaka. Masjid-masjid ini mula mendapat pengaruh seni bina Cina apabila berlakunya kerjasama antara Kerajaan Melaka dengan Kerajaan Cina pada zaman pemerintahan Parameswera dan Dinasti Ming<sup>43</sup>. Apabila wujudnya hubungan dua hala yang erat antara dua negara ini, ada pedagang-pedagang dari negara China mereka terus menetap di Melaka. Rentetan itu, berlaku asimilasi budaya di antara dua negara ini termasuklah dalam bidang seni bina sehingga terhasilnya masjid jenis sino eklektik ini.

Antara ciri-ciri mudah untuk mengenalpasti masjid jenis ini adalah bumbungnya berbentuk piramid bertingkat dan mempunyai beberapa komponen luar seperti menara berbentuk pagoda cina dan pintu gerbang. Selain itu juga, masjid-masjid ini dihiasi dengan ukiran-ukiran bercirikan cina<sup>44</sup>.

Masjid sino eklektik ini hampir menyerupai masjid tradisional di Malaysia kerana ia menggabungkan seni bina tempatan dan juga Cina. Namun, salah satu ciri-ciri rekabentuk yang membezakan masjid sino eklektik ini dengan masjid tradisional di Malaysia adalah lantainya yang terletak terus di atas permukaan tanah, tidak seperti masjid tradisional yang ditinggikan sedikit daripada permukaan tanah<sup>45</sup>. Walaubagaimanapun, permukaan lantai dalam masjid ditinggikan sedikit kira-kira satu meter daripada tangga batu dengan lantai utama<sup>46</sup>. Selain itu juga, rabung bumbung masjid sino eklektik ini diperbuat dari simen<sup>47</sup> bukannya papan kayu.

Mastor mengatakan bahawa sebagaimana masjid tradisional di Malaysia, masjid sino eklektik juga tidak banyak dilakukan pengkategorian dan kajian terperinci terhadapnya<sup>48</sup>. Oleh hal demikian, Masjid ini dikategorikan kepada dua jenis berdasarkan jenis bumbung yang berlapis juga seperti masjid tradisional yang telah diterangkan sebelum ini. Namun, masjid ini hanya terdapat dua jenis kategori bumbung iaitu yang berlapis dua dan berlapis tiga.

Jenis pertama masjid ini boleh dilihat seperti Masjid Undang Serun di Negeri Sembilan. Manakala masjid sino eklektik yang berbumbung tiga lapis boleh dilihat pada Masjid

---

<sup>42</sup> Rasdi.

<sup>43</sup> Surat and others.

<sup>44</sup> Surat and others.

<sup>45</sup> Surat and others.

<sup>46</sup> Rasdi.

<sup>47</sup> Rasdi.

<sup>48</sup> Surat and others.

Kampung Hulu, Masjid Tengker, Masjid Kampung Keling di Melaka dan Masjid Undang Kamat serta beberapa buah masjid lain di Negeri Sembilan<sup>49</sup>.

Keistimewaan lain yang terdapat pada jenis masjid ini lagi adalah bumbungnya dihiasi dengan mastaka sebagai mahkota atap bagi menghiasi puncak masjid menggantikan siling. Mastaka ini diperbuat dari seramik berkualiti tinggi mempunyai ketahanan yang kuat walaupun ia telah berusia lebih seratus tahun. Ianya dikatakan menerima pengaruh dari wilayah Canton dan Fukien, China<sup>50</sup> yang terkenal dengan pengeluaran seramik terbesar di dunia.

Kebanyakan masjid jenis sino eklektik ini dibina di lokasi berhampiran dengan bandar. Masjid-masjid ini sering dikunjungi oleh para pedagang yang singgah di bandar-bandar tersebut. Oleh hal demikian, tidak menghairankan jika Mastor berpendapat bahawa masjid-masjid ini dibina oleh para pedagang khususnya pedagang dari Cina<sup>51</sup>. Masjid ini juga dikelilingi oleh pagar dan dihiasi dengan ragam hias berunsurkan seni bina Cina.

### c) Masjid Kolonial

Masjid Kolonial di Malaysia merujuk kepada masjid-masjid yang dibina ketika penjajahan British di Malaysia. Negara ini dijajah oleh Inggeris sejak akhir abad ke-16. Kebanyakan masjid tersebut telah dibangunkan oleh Inggeris bermula akhir kurun ke 19 dan ada yang menjangkau sehingga ke awal kurun ke 20<sup>52</sup>.

Ketika itu, pembinaan bangunan-bangunan fasiliti masyarakat khususnya binaan masjid dinaungi oleh kerajaan Inggeris untuk mengambil hati pemimpin-pemimpin tempatan yang diisytiharkan sebagai pemimpin dalam hal ehwal agama. Pembinaan-pembinaan ini melibatkan kerja dan tenaga dari para arkitek profesional, jurutera dan kontraktor pembinaan<sup>53</sup> yang dibawa dari England dan India<sup>54</sup>.

Oleh hal demikian, penjajah Barat memperkenalkan gaya dan pengaruh seni bina yang terdapat di England ketika itu. Pengaruh seni bina gothic, neo-klasik, Moorish dan eklektik yang popular di sana diperkenalkan di alam melayu terutamanya pada bangunan pentadbiran. Contoh masjid yang mempunyai pengaruh seni bina tersebut adalah Masjid Sultan Sulaiman di Klang Selangor (1932) dan Masjid Sultan Abu Bakar di Johor (1892).

Manakala pengaruh seni bina Moghul pula mula popular apabila India menjadi pusat pentadbiran bagi negara-negara Timur yang berada di bawah jajahan British. Ramai arkitek dan jurutera yang dilantik berasal dari sana. Pengaruh seni bina Moghul yang diperkenalkan oleh generasi Monggol banyak diaplikasi pada binaan-binaan keagamaan termasuklah masjid. Antara masjid yang mempunyai pengaruh seni bina ini adalah

---

<sup>49</sup> Surat and others.

<sup>50</sup> Syaimak Ismail Abdullah Yusof, 'SUMBANGAN PERTUKANGAN CINA TERHADAP REKA BENTUK MASJID: KAJIAN TERHADAP KOMPONEN LUAR MASJID DI MELAKA PADA ABAD KE-18', *Jurnal Al-Tamaddun*, 9.1 (2014) <<http://www.ghbook.ir/index.php?name=فرهنگ و رساله های>&option=com\_dbook&task=readonline&book\_id=13650&page=73&chkhask=ED9C9491B4&Itemid=218&lang=fa&tmpl=component>.

<sup>51</sup> Surat and others.

<sup>52</sup> Surat and others. 11

<sup>53</sup> Journal, Hitam, and Talib. 3

<sup>54</sup> Surat and others. 11

Masjid Jamek di Kuala Lumpur (1909) dan Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar, Perak (1913-1917)<sup>55</sup>.

Masjid kolonial dikategorikan kepada dua jenis gaya iaitu masjid gaya Klasik-Eropah dan masjid gaya India Utara. Salah satu contoh masjid kolonial gaya Klasik-Eropah adalah Masjid Sultan Abu Bakar, Johor<sup>56</sup>. Antara seni bina yang dapat dilihat pada masjid ini adalah masjid ini dikelilingi dengan empat buah menara bersaiz kecil yang dihiasi dengan kubah di puncak menara tersebut. Dewan solat utama pula ditutup dengan bumbung dari jenis bumbung cerun tidak ada lagi bumbung bertingkat seperti masjid tradisional mahupun masjid sino-eklektik. Selain itu juga, dinding-dinding luar masjid ini dihiasi dengan birai-birai. Begitu juga tingkap-tingkap pada masjid ini, mempunyai bingkai birai yang diperbuat daripada plaster<sup>57</sup>.

Manakala contoh masjid kolonial dengan gaya India Utara di Malaysia pula seperti Masjid Jamek Kuala Lumpur dan Masjid Zahir Kedah. Seni bina yang dapat dikenalpasti dari gaya ini adalah penggunaan kubah-kubah berbentuk bawang. Kubah bawang utama yang besar menjadi bumbung pada dewan solat utama, manakala kubah yang lebih kecil menutup kawasan-kawasan lain seperti verandah dan menara. Salah satu pengaruh seni bina masjid dari dinasti Moghul juga adalah memiliki menara utama dan beberapa menara kecil yang dibina di sekeliling masjid. Selain itu, masjid-masjid ini dipenuhi dengan tiang-tiang berbentuk klasik yang disertakan pula dengan gerbang lengkung berukiran yang dibina secara berulang-ulang<sup>58</sup>.

Selain itu juga, masjid-masjid gaya ini yang dibina pada zaman tersebut bukan sahaja dikaitkan dengan pembiaayaan kerajaan Inggeris, masjid-masjid ini juga ada yang dikaitkan juga dengan peranan masyarakat Islam yang berasal dari India yang datang ke Tanah Melayu untuk berdagang atau bekerja. Mereka mendirikan masjid mirip dengan seni bina masjid yang ada di tempat asal mereka. Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang dibina oleh masyarakat muslim dari India ketika itu.

#### d) Masjid Moden

Merujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, moden bermaksud perkara-perkara dari masa sekarang, berkaitan dengan masa kini, yang terbaru, cara atau kaedah baru, mutakhir. Dalam laman web Merriam Webster pula, "*modern*" membawa maksud;

*"Relating to, or characteristic of a period extending from a relevant remote past to the present time"*<sup>59</sup>.

Manakala di Collins Dictionary pula ada menyebut bahawa;

*"Modern is used to describe styles of art, dance, music and architecture that have developed in recent times, in contrast to classical styles"*.

---

<sup>55</sup> Journal, Hitam, and Talib. 3

<sup>56</sup> Wael A. Yousef Mousa, *"Modern Mosque in Malaysia: Between Regionalism and Eclecticism"* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2014) 114

<sup>57</sup> Rasdi.

<sup>58</sup> *"Ziarah Masjid di Malaysia (Mosque Visits in Malaysia)"* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010) 13

<sup>59</sup> <https://www.merriam-webster.com/dictionary/modern>

Daripada maksud-maksud yang dinyatakan ini, dapat disimpulkan di sini bahawa moden merupakan sesuatu perkara termasuklah cara ataupun kaedah yang dilakukan berdasarkan pengetahuan yang terdapat pada zaman semasa dan merupakan kesinambungan pengetahuan yang terhasil daripada masa-masa sebelumnya.

Masjid moden merujuk kepada masjid-masjid yang dibina pada zaman kebelakangan ini dengan menggunakan teknologi-teknologi baru yang semakin berkembang dan reka bentuk seni bina yang baru. Masjid-masjid berseni bina gaya moden di Malaysia boleh dilihat pada masjid-masjid yang dibina selepas kemerdekaan. Hal ini kerana, selepas mencapai kemerdekaan, menjadi satu aspirasi pihak kerajaan Malaysia untuk membina binaan-binaan yang dapat menjadi monumen kebanggaan yang moden dan juga mencerminkan identiti nasional sebagai sebuah negara yang berdaulat. Salah satu masjid yang berinspirasi aspirasi tersebut adalah binaan Masjid Negara<sup>60</sup>.

Salah satu keunikan seni bina Masjid Negara adalah bumbungnya berbentuk payung separa terbuka dan bumbung seperti ini tidak pernah dibina pada mana-mana masjid sebelum ini. Masjid ini memberi suatu kelainan dan nafas baru terhadap seni bina negara khususnya dalam usaha mewujudkan identiti seni bina negara. Selain itu juga, Masjid Negara dibina dalam skala yang besar sekaligus menjadi monumen penting kemegahan rakyat Malaysia<sup>61</sup>.

Dengan menggunakan teknologi moden dalam seni bina ini, masjid-masjid moden yang dibina kurang mengambil kira faktor situasi iklim tempatan. Hal ini kerana, sistem pengudaraan dan pencahayaan dapat disediakan menggunakan teknologi seperti penghawa dingin dan lampu elektrik.

Penggunaan konkrit pula menjadi bahan utama dalam membina binaan masjid yang berskala besar ini. Dewan solat yang besar bersama suatu sudut untuk jemaah perempuan disediakan dengan pemisahan yang dilakukan dengan tirai kain mahupun penghadang. Selain itu juga, terdapat ruang-ruang dalam bangunan ini yang dijadikan kemudahan untuk masyarakat seperti kelas-kelas pengajian, dewan serbaguna, perpustakaan dan sebagainya. Masjid ini mirip kepada Masjid pada zaman Nabi s.a.w pada fungsinya iaitu seperti pusat komuniti masyarakat setempat. Pelbagai kegiatan yang dapat dilakukan di dalam masjid moden ini.

Walaupun bagaimanapun, kubah tidak mendapat tempat<sup>62</sup> dalam seni bina masjid-masjid moden ini. Hal ini kerana para arkitek dan jurutera menyambut aspirasi kerajaan untuk menghasilkan suatu pembaharuan dan pemodenan terhadap seni bina masjid di negara ini.

#### e) Masjid Revivalisme Pasca Moden

Masjid revivalisme pasca moden di Malaysia pula merujuk kepada masjid-masjid yang dibina kebelakangan ini namun mempunyai seni bina yang kontra dengan aspirasi seni bina moden yang tidak terikat dengan apa-apa pengaruh. Seni bina masjid revivalisme

---

<sup>60</sup> Hanim and others.207

<sup>61</sup> Amir Hossein Zekrgoo, 'Rise of Eclecticism in the 21st Century Malaysian Mosque Architecture', *Planning Malaysia*, 15.1 (2017), 295–304.

<sup>62</sup> Surat and others.



pasca moden ini muncul apabila arkitek beranggapan bahawa seni bina yang tidak berteraskan sejarah yang menjadi laungan moden telah berakhir dan kini sejarah memainkan peranan penting dalam reka bentuk senibina<sup>63</sup>. Revivalisme itu sendiri membawa maksud menghidupkan kembali gaya rupa silam dalam konteks reka bentuk kontemporari.

Oleh hal demikian, Mohammad Tajuddin mengkategorikan masjid seni bina revivalisme pasca moden ini kepada dua kategori iaitu seni bina revivalisme luar dan revivalisme tempatan. Seni bina revivalisem luar merujuk kepada peniruaan elemen-elemen seni bina masjid dari pengaruh seni bina luar nusantara seperti pengaruh kubah separa dari Turki, menara dari Mesir, gerbang dari Iran, komposisi dari Arab dan sebagainya. Peniruan-peniruan seni bina ini dilakukan dengan anggapan kemegahan Islam itu lebih terlihat kerana ketamadunan Islam berkembang dari negara-negara tersebut. Contoh binaan masjid revivalisem pasca moden adalah seperti Masjid Putra, Putrajaya dan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Manakala seni bina revivalisme tempatan pula adalah binaan masjid dengan peniruan reka bentuk bumbung piramid bertingkat seperti bumbung masjid tradisional namun menggunakan konkrit. Masjid-masjid ini dibina bersaiz sederhana dengan tujuan mengikis pemikiran masyarakat bahawa binaan sebagai monumen kemegahan para pemimpin. Masjid Al-Azim yang merupakan masjid utama bagi negeri Melaka adalah salah satu contoh masjid berseni bina revivalisme pasca moden tempatan<sup>64</sup>.

### **Kesimpulan**

Daripada perbincangan di atas penulisan seni bina penting sebagai rujukan kepada para ahli dalam bidang ini ketika merekabentuk sesebuah binaan. Bahkan penulisan ini mampu menambah pengetahuan dalam bidang ini sekaligus menjadi warisan identiti seni bina sesebuah masyarakat. Daripada penulisan-penulisan seni bina masjid yang dilakukan, pengkaji mendapati terdapat lima kategori seni bina masjid di Malaysia iaitu masjid tradisional, masjid sino-elektik, masjid moden dan masjid revivalisme pasca moden. Masih banyak kajian yang boleh dilakukan terhadap penulisan seni bina masjid di Malaysia bagi mengetahui perkembangan penulisannya di negara ini.

---

<sup>63</sup> Surat and others.

<sup>64</sup> Rasdi.

## **Rujukan**

- Aljunied, K. (2018). "Not just a house to honour God": mosques in the Malay world as cosmopolitan spaces. *Global Journal Al-Thaqafah*, 8(1), 43–55.
- Ar. Norwina, M. N., & Dr Noor Hanita, A. M. (2011). In Search of the Origins of the Malay-Muslim Architectural Heritage through Masjid Built Form. *Malay Vernacular Architecture : Traditional and Contemporary Expressions*. ISBN 978-967-418-057-7, 40–39.
- Hanim, S., Mohd, M., Yuhanis, N., Nasir, M., Aziz, N. A., Melayu, A. P., & Malaya, U. (n.d.). *Pragmatism and Symbolism in Malay Traditional Islamic Architecture : Kampung Tuan Mosque Pragmatisme Dan Simbolisme Seni Bina Islamik Melayu Tradisional : Masjid*. 203–234.
- B. E., Hitam, M., & Talib, A. (2005). The Malaysian mosque: evolution, elements & meaning. *Built Environment Journal*, 2(1), 1–10.
- Khan, N. R. (2014). Medieval Architecture of India: A Source of History (From 12 th to 18 th Century). *Journal IJMRD*, 1(7), 81–84. www.allsubjectjournal.com
- Nang Naemah, N. D., & Nur Maslina, R. (2014). Seni Bina Masjid Islam. *Jurnal Al-Muqaddimah*, 2(1), 39–47.
- Rasdi, M. T. M. (2010). Mosque Architecture in Malaysia : Classification of Styles and Possible Influence. *Journal Alam Bina*, 1–37.
- Shah, M. A., Arbi, E., & Keumala, N. (2016). Historiography of Mosque Architecture in Malaysia: Analysis of Texts by 5 Authors. *Journal of Design and Built Environment*, 16(2).
- Surat, M., Rasdi, M. T. M., Musa, a. R., Utaberta, N., & Tahir, M. M. (2011). Salah tanggapan terhadap kubah pada senibina masjid: Pengaruh pengisian sejarah dalam hasrat rekabentuk masjid. *The Journal of Design + Built, Mosque Edition*, 1–16.
- Taufiqurrochman, R. (2005). Arsitektur dan seni Islam: Persentuhan dari ragam entitas budaya. *Lingua*, 3(1), 1–12.
- Yusra, S. N., Nornawarlaili, & Yusop, N. (2012). The Flexibility of Communal Mosque in Malaysia. *Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)*, 3, 22–25.
- "*Ziarah Masjid di Malaysia (Mosque Visits in Malaysia)*" (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010)
- Djauhari Sumintardja, *Kompendium Sejarah Arsitektur* (Bandung: Yayasan Lembaga Penyelidikan Masalah Bangunan, 1978)
- Dora P. Crouch terj. Wan Hashimah Wan Ismail, *Sejarah Seni Bina: Stonehenge hingga Pencakar Langit* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993)

H. Aboebakar, *Sedjarah Masjid dan Amal Ibadah Dalamnja* (Bandjarmasin: Toko Buku Adil, 1955)

Huri Yasin Husain, *Fikih Masjid* terj. Khalifurrahman Fath & Fathur Rahman Nizar Az Zainaby (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2011)

Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi, *Seni Bina: Sejarah, Teori Dan Kritikan* (Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2008)

Mohd Tajuddin, *The Mosque as a Community Development Centre: Programme and Architectural Design Guidelines For Centemporary Muslim Societies* (Skudai: Penerbit UTM, 1998)

Shaikh Ali Mohammad Mokhtar, *Peranan Masjid dalam Islam* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1997) Pendahuluan

Wael A. Yousef Mousa, *“Modern Mosque in Malaysia: Between Regionalism and Eclecticism”* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2014)

<https://www.bharian.com.my/node/83885>

<https://www.merriam-webster.com/dictionary/modern>

[https://www.metmuseum.org/toah/hd/abba/hd\\_abba.htm](https://www.metmuseum.org/toah/hd/abba/hd_abba.htm)

<https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2019/08/486786/ciri-signifikan-dalam-seni-bina>